

10,000 amah Indonesia mula masuk September

Dua negara integrasikan sistem permudah proses permohonan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahrnzki@bh.com.my

Putrajaya: Kira-kira 10,000 Pehdimat Domestik Indonesia (PDI) yang sudah diproses permohonan mereka untuk bekerja di Malaysia dijangka mula tiba ke negara ini pada September.

Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Hermono, berkata permohonan kemaskini itu diterima sebelum Indonesia membekukan kemasukan PDI ke Malaysia pada 13 Julai lalu sementara menunggu pengintegrasian sistem antara Jabatan Imigrasi Malaysia dan Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI).

Beliau berkata, biasanya setiap permohonan mendapatkan

PDI dari negara itu memerlukan tempoh dua hingga tiga bulan untuk diproses.

Katanya, ia bagi membolahkan PDI terbabit melalui latihan yang sewajarnya mengikut spesifikasi yang dikehendaki majikan sebelum mereka boleh dihantar bekerja ke negara ini.

Beliau berkata, ketika ini sistem antara kedua-dua pihak sedang diintegrasikan bagi memudahkan proses berkenaan dan ia memerlukan tempoh tiga minggu sebelum boleh digunakan.

"Sebelum pembekuan dibuat pada 13 Julai lalu, kami susah menerima permohonan berkenaan.

"Ia sudah mulai diproses, namun kami hentikan selepas pembekuan sementara berkuat kuasa," katanya kepada *BH* semalam.

Pekerja tiba dahulu

Hermono berkata, berikutan mereka sudah berada dalam pangkalan data kedutaan, pekerja berkenaan yang akan tiba dahulu berbanding permohonan baharu.

Beliau berkata, PDI yang melalui latihan akan membolehkan tenaga kerja yang tiba itu memenuhi jangkaan bakal majikan di Malaysia.

La secara langsung, katanya, mengurangkan risiko tenaga kerja terbabit melarikan diri selepas bekerja beberapa bulan.

"Dengan menggunakan sistem sebelum ini, tenaga kerja ini dibawa dari kampung oleh ejen sebelum dihantar ke Malaysia. Ini yang menyebabkan banyak berlaku pemerdagangan manusia.

"Selain itu, apabila majikan sudah membayar wang yang banyak untuk membawa masuk PDI, beliau sudah tentu mengharapkan tenaga kerja itu mempunyai kemahiran yang dinantikan.

"Begitu juga, seseorang PDI juga akan dijalankan serta keadaan rumah majikan apabila mereka tiba di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, apabila ada latihan mengikut permintaan tertentu majikan, ia secara tidak langsung mengurangkan

risiko tenaga kerja terbabit melarikan diri.

Buat pemantauan

Sementara itu, Hermono berkata, keputusan mesyuarat untuk mengintegrasikan sistem kedua-dua negara itu sebenarnya adalah sebahagian daripada memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai oleh Malaysia dan Indonesia pada April lalu.

Melalui sistem berintegrasi itu, ia membolehkan kedua-dua pihak berkuasa membuat pemantauan terhadap majikan dan tenaga kerja.

Beliau berkata, bermula 1 Ogos ini, majikan boleh mendayakan permohonan untuk mendapatkan PDI sementara menunggu sistem itu mula beroperasi pada 15 Ogos nanti, manakala bagi sektor lain mereka boleh menggunakan portal kedutaan Indonesia untuk membuat permohonan.

Katanya, melalui sistem berintegrasi itu nanti, majikan perlu menggunakan ejen pekerjaan di negara ini untuk membuat permohonan kepada Jabatan Imigrasi Malaysia serta dengan data

Sebelum pembekuan dibuat pada 13 Julai lalu, kami susah menerima permohonan berkenaan. Ia sudah mulai diproses, namun kami hentikan selepas pembekuan sementara berkuat kuasa



Hermono,
Duta Besar
Indonesia
ke Malaysia

majikan yang lengkap. "Pihak Imigrasi Malaysia kemudian akan memuatkan data berkenaan melalui sistem berintegrasi itu.

"Ia kemudian akan diproses sebelum kami mengiktiraf kontrak pekerjaan dan ia akan dihantar semula kepada Jabatan Imigrasi untuk mengeluarkan Visa Dengan Rujukan yang akan dihantar ke Kedutaan Besar serta Pejabat Konsulat Malaysia di Indonesia.

"Pihak berkenaan kemudian akan mengeluarkan 'calling visa' kepada PDI berkenaan untuk datang bekerja di Malaysia," katanya.

PERKESO perketat pantau pihak mohon PenjanaKerjaya

Kuala Lumpur: Perubahan Keselamatan Sosial (PERKESO) memperketatkan pemantauan terhadap majikan dan penyedia latihan yang memohon Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) bagi memastikan kes penyelesaian dan serta tuntutan palsu membabitkan program itu tidak berulang.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohamed, berkata PERKESO melihat kepada setiap data bagi permohonan yang disertakan majikan, termasuk membuat semakan dan tapisan yang ketat terhadap dokumen serta panggilan rawak kepada mereka yang dikatakan diawarkan pekerjaan.

Selain itu, pihaknya membuat lawatan mengejut ke premis majikan yang dikatakan menawarkan pekerjaan dan membuat risikan terhadap pihak yang terbabit dari semasa ke semasa.

"Kita melihat kepada permohonan oleh semua majikan melalui proses tertentu. Jadi, dalam kita memproses, ada selangintir kecil, mungkin kurang satu peratus daripada mereka yang mengambil kesempatan. "Kita akan memperketat lagi

pemantauan melalui parameter kita. Kita memproses lebih 40,000 permohonan dan setakat ini mengelan pasti 37 (kes), tapi proses ini akan berterusan.

"Bagi mereka yang dianggap menawarkan pekerjaan, tetapi menyalahgunakannya, kita tidak akan berkompromi berdasarkan (maksudnya) kecerdasan buatan (AI) yang kita peroleh daripada sistem dan akan disalurkan kepada pihak berwajib bagi tindakan susulan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media lanjutan Program Jaminkerja-Insentif Penggajian (JKIP) di Menara PERKESO di sini, semalam.

15 individu ditahan SPRM

Sehingga 19 Julai lalu, seramai 45 individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi Op Hire bagi membantu siasatan berhubung tuntutan palsu dan penyelewengan dana PenjanaKerjaya membabitkan nilai keseluruhan kira-kira RM100 juta.

Program PenjanaKerjaya adalah antara inisiatif kerajaan bagi membantu majikan dan pekerja mendapatkan cabaran COVID-19 sejak awal 2020.

Pada 15 Julai lalu, PERKESO dilaporkan mengganggung bajaran Program PenjanaKerjaya berjumlah RM423 juta susulan kes berkenaan.

Mohammed Azman menjelaskan, melalui pemantauan PERKESO, ada antara permohonan yang cuba melakukan manipulasi, di mana dokumen yang disertakan lengkap dan kelihatan tulen, namun ia tidak seperti yang dinyatakan apabila lawatan mengejut dilakukan pihaknya.

"Kita temuramah pekerja dan pergi ke premis, kemudian baru kita tahu ada unsur yang mengurus ke arah penyelewengan dan tindakan awal diambl untuk memberhentikan maklumat kepada pihak berkuasa," katanya.

Kita akan memperketat lagi pemantauan melalui parameter kita. Kita memproses lebih 40,000 permohonan dan setakat ini mengelan pasti 37 (kes), tapi proses ini akan berterusan

Mohammed Azman Aziz Mohamed,
Ketua Eksekutif PERKESO



55,000 peluang pekerjaan
Dalam perkembangan lain, Mohammed Azman berkata, PERKESO menyediakan 55,000 peluang pekerjaan kepada golongan rentan melalui lanjutan Program Jaminkerja-Insentif Penggajian (JKIP) untuk tempoh enam bulan lagi, sehingga 31 Disember ini.

Katanya, sebanyak RM475 juta akan disalurkan PERKESO sebagai insentif kepada majikan yang mewujudkan peluang pekerjaan, iaitu sebahagian daripada RM2 billion yang diperuntukkan kerajaan di bawah program itu dalam Bajet 2022.

"Lanjutan program ini akan memberikan tumpuan kepada usaha pengambilalihan pekerja daripada sektor pelancongan, pekerja yang menggantikan pelancongan yang terjejas akibat pandemian, warga emas dan penganggur am.

Mohammed Azman berkata, sehingga 22 Julai lalu, jumlah penempatan pekerjaan melalui portal MyFutureJobs dan keseluruhan aktiviti penempatan pekerjaan di bawah PERKESO adalah sebanyak 115,483 pekerjaan, yang diisytiharkan dalam kalangan golongan rentan dan mereka yang kehilangan pekerjaan.